


on 20 February 2014

13 rakan kongsi bincang 'Inovasi dan Penyelidikan Yang Bertanggungjawab'



KUCHING: Seramai 13 rakan kongsi daripada institusi negara Kesatuan Eropah dan bukan Kesatuan Eropah termasuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan bekerjasama membincangkan 'Inovasi dan Penyelidikan Yang Bertanggungjawab' (RRI).

Ia akan dibincangkan dalam Bengkel Inovasi Tanggungjawab Perniagaan Pertama Asia Pasifik (FARBI) 2014 selama dua hari bermula hari ini (20 Februari) hingga esok (21 Februari) di Hotel Merdeka Palace, di sini.

Peserta-peserta FARBI merangkumi penyelidik, saintis, profesional, pencipta, pembuat dasar, perwakilan industri, golongan teknologi serta masyarakat awam.

Menurut Koordinator Projek 'Responsibility' Eropah Dr Ing. Zaharya Menevidis, bengkel itu akan memfokuskan tanggungjawab perniagaan yang berperanan membenarkan sebarang inovasi mahupun ciptaan yang tidak hanya memberi penekanan kepada Eropah, malah juga kepada Asia dan Malaysia.

Katanya hasil perbincangan melalui bengkel itu akan digunakan sebagai alat pembelajaran bagi meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai isu yang berkaitan RRI.

"Bengkel ini akan memberi penekanan kepada bagaimana tanggungjawab perniagaan menjadi sesuatu yang penting dalam membenarkan inovasi dan ciptaan.

"Melalui penyatuan pendapat daripada pelbagai profesional yang mengikuti bengkel ini kelak, ia diharap dapat memberi pemahaman serta mencapai sebulat suara bagaimana RRI dapat diaplikasi dalam kehidupan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan latar belakang bengkel FARBI, semalam.

Salah seorang peserta bengkel, Pensyarah University De' Namur dari Perancis Dr Philippe Goujon berkata, teknologi yang membangun pada masa kini disifatkan pantas namun inovasinya harus sejajar dengan pemuliharaan aspek budaya.

"Sebagai peserta bengkel, kita akan mencari jalan untuk menghubungkan inovasi teknologi agar terus seiring dengan pemuliharaan budaya sedia ada.

"Meskipun dunia sekarang ditakrif sebagai dunia global, aspek budaya tidak harus dilupakan begitu sahaja," katanya.

RRI diperkenal di peringkat Eropah bertujuan mengenal pasti pendekatan yang dapat digunakan bagi menghubungkan teknologi dan masyarakat sekitar selain menjadi teknologi baharu yang membolehkan masyarakat bekerjasama dengan inovasi.

Antara disiplin yang turut menjadi penekanan sepanjang bengkel itu berlangsung ialah kesihatan, pertanian, bioteknologi, persekitaran, sosioekonomi, pengangkutan, ruang dan tenaga.

Hadir sama Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Pengerusi Bengkel FARBI Dr Rohaya Mohd Nor serta Pegawai Perhubungan Media 'Responsibility' Elena Tavlaki.

Sumber: The Borneo Post